

BAB I

LATAR BELAKANG MASALAH

1. LATAR BELAKANG

Kepercayaan atau religi dan upacara religi merupakan unsur di dalam kehidupan masyarakat suku-suku bangsa manusia di dunia. Pelbagai azas dan asal mula religi yang menjadi pegangan manusia yang disandarkan kepada pertimbangan dari pelbagai aspek kehidupan yang menyangkut pola kehidupan suku-suku bangsa terutama masyarakat tradisional. Masyarakat tradisional menurut Ismail Hamid adalah masyarakat sederhana iaitu masyarakat yang belum mengenal huruf (Ismail Hamid 1987 : 2). Sikap sederhana yang diamalkan oleh masyarakat tradisional menyangkut fahaman tradisionalisme yang menurut *Fairchild*, sikap dan pandangan yang memuja, menjunjung tinggi lembaga-lembaga dan kepercayaan masa lampau. (Simanjuntak 2001 : 13).

Di dalam kehidupan masyarakat *Ida'an* (Menurut catatan kapten T. Forest 1780) atau lebih dikenal sebagai Kadazandusun kini yang mendiami daerah pedalaman negeri Sabah, fahaman tradisionalisme di dalam sistem sosial sehari-hari masih jelas terlihat walaupun telah mengalami perubahan di dalam struktur kebudayaan dengan datangnya pengaruh agama Islam dan Kristen. Pelbagai kepercayaan tradisional masih saja dipertahankan dan telah membentuk suatu filsafat di dalam diri mereka yang sukar untuk ditinggalkan.

Konsep ketuhanan di dalam masyarakat Kadazandusun telah lama wujud namun konsepnya berbeza dari apa yang diterapkan di dalam ajaran agama kini. *Kinorohingan* (Tuhan) dan isterinya '*Suminundu*' merupakan dewa agung bagi masyarakat Kadazandusun kerana merekalah yang dipercayai telah menciptakan langit dan bumi (Universiti Malaya 2001 : 223). Selain daripada itu, *Kinorohingan* dan isterinyalah yang telah menganugerahkan biji benih tumbuhan terutama benih padi yang dikatakan keluar dari mayat anak kesayangan mereka iaitu *Huminondun* setelah dikorbankan bagi menyelamatkan manusia dari kelaparan. Maka wujudlah kepercayaan bahawa padi itu memiliki *semangat* atau *roh* yang dipanggil '*Bambahazon*'.

Ritus penyembahan semangat padi yang dikenal oleh mereka sebagai *Bambahazon* ini amat besar pengaruhnya di dalam kehidupan mereka. Kebiasaan menanam padi yang sebenarnya disucikan dalam konsep religi mereka, menciptakan adat istiadat yang unik sehinggakan dari awal penanaman padi sehinggalah musim panen dipenuhi dengan ritus-ritus tertentu untuk menghormati *Bambahazon* tersebut.

Pesta Kaamatan atau dengan kata lain Tadau Keketuan (Pesta Panen) merupakan kemuncak dari semua upacara menghormati *Bambahazon*. Ritus *Momohizan* akan dilaksanakan oleh seorang yang dituakan iaitu *Bobohizan*. Di dalam upacara ini, *Bambahazon* akan dipanggil berkenduri dengan mentera tertentu yang bertujuan menyeruh semangat padi tersebut agar tetap kekal bersama mereka.

Peradaban Di *Nunuk Ragang* iaitu sebuah pertempatan awal masyarakat Kadazandusun telah melahirkan warisan budaya yang sangat dijunjung oleh mereka.

Daerah yang letaknya di pertemuan dua batang sungai yang mengalir ke Sungai Labuk inilah yang menjadi tanah suci mereka sehingga diadakan ritus penghormatan dengan mengorbankan tujuh ekor lembu dan tujuh tajau tapai (Arak tradisional dari beras yang diragikan) sebagai simbolik setiap tahunnya.

Menurut kepercayaan mereka, induk dari semua masyarakat Kadazandusun yang tersebar luas di pelusuk Negeri Sabah pada masa kini berasal dari induk yang sama iaitu dari sepasang remaja yang sangat cantik dan segak yang berasal dari bawah tanah Nunuk Ragang. Kepercayaan ini juga dikaitkan dengan kewujudan seekor ayam jantan sakti yang telah dengan tidak sengaja terkais dua remaja tersebut dari bawah tanah. Tentunya konsep yang menjadi sebahagian dari filsafat hidup mereka ini amat bertentangan dengan teori-teori moden apa lagi bila berbicara tentang agama, namun hakikatnya warisan ini tetap menjadi pegangan mereka.

Seperti halnya kepercayaan terhadap *Bambahazon*, kepercayaan terhadap *Si Gondingon* di dalam upacara *Madsalud* memperlihatkan tokoh roh kekuatan yang menjaga tali air. Penghormatan akan dilakukan sebelum mengalirkan air ke tanah sawah bagi memohon restu. Demikian juga dengan kepercayaan terhadap warisan Gunung Kinabalu dimana dipercayai bahawa roh nenek moyang mereka akan tinggal di Gunung Kinabalu setelah meninggal kemudian beralih ke kehidupan seterusnya. Kesedaran tentang roh di dalam diri manusia menyebabkan timbulnya kepercayaan *animisme* di dalam masyarakat Kadazandusun. Kepercayaan seumpama ini bukan saja wujud di dalam masyarakat primitif namun tetap wujud di dalam masyarakat membangun terutama dikalangan masyarakat pedalaman (Hamid 1991 : 29).

Keunikan kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun yang kurang mendapat perhatian dari peneliti dan penulis tempatan ini amat menarik perhatian kepada peneliti apa lagi telah banyak kebudayaan-kebudayaan tradisional bangsa di dunia ini yang telah mulai dilupakan. Maka penelitian yang berjudul **"KEHIDUPAN KEPERCAYAAN TRADISIONAL MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI DAERAH RANAU SABAH MALAYSIA"** Direncanakan bagi mendapatkan gambaran yang jelas bagi kehidupan sebenar mereka yang masih berpegang kepada kehidupan tradisional di dalam kehidupan sehari-hari.

2. IDENTIFIKASI MASALAH

Objek dari penelitian ini adalah kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun samada yang sifatnya lagenda atau metos yang diyakini sehinggalah membentuk ritus-ritus di dalam religi sehingga ke hari ini di dalam proses interaksi sosial mereka.

Kehidupan tradisional yang diwarisi turun-temurun nyatanya telah membentuk religi yang sukar dipisahkan di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun. Sehubungan dengan itu, beberapa masalah yang dapat diidentifikasi di dalam menjelaskan penelitian ini, iaitu seperti berikut :

- 2.1. Di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun sehingga ke hari ini tampaknya masih terdapat unsur-unsur tradisional sepertimana pemujaan terhadap semangat padi yang dikenal '*Bambahazon*' oleh mereka.

2.2. Di dalam menjawab tentang asal-usul, sering kali dikaitkan dengan peradaban Nunuk Ragang yang telah lama hilang dan tidak meninggalkan kesan yang nyata sehingga ke hari ini. Daripada kepercayaan masyarakat Kadazandusun, induk dari masyarakat ini wujudnya dari bawah tanah dan amat bertentangan dengan perkembangan ilmu dan agama masa kini.

2.3. Fahaman *Animisme* di dalam masyarakat Kadazandusun masih jelas terlihat sepertimana dalam ritus-ritus penghormatan terhadap roh di Gunung Kinabalu dan penghormatan si Gondingon di dalam upacara Madsalud.

2.4. Konsep ketuhanan yang bersifat 'Sky god' telah lama dikenal di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun. *Kinorohingan* dan isterinya *Suminundu* telah menciptakan langit dan bumi.

3. FOKUS MASALAH

Daripada identifikasi masalah di dalam kehidupan tradisional masyarakat Kadazandusun, maka dapatlah ditarik empat masalah yang menjadi fokus penelitian ini iaitu :

3.1. *Kinorohingan* dan isterinya *Suminundu* telah menciptakan langit dan bumi kemudiannya menciptakan manusia. Peradaban Nunuk Ragang dijadikan *Kinorohingan* sebagai tanah yang disucikan dan dipercayai oleh masyarakat Kadazandusun sebagai asal-usul mereka.

3.2. Semangat Padi atau '*Bambahazon*' di dalam masyarakat Kadazandusun amat berkuasa bagi mereka dimana baik atau tidaknya tanaman padi tergantung

kepada kemurahan dari *Bambahazon*. Maka pelbagai upacara religus dilaksanakan bagi tujuan memohon rahmat dimana kemuncaknya pada pesta '*Tadau Kaamatan*'.

3.3.Kepercayaan terhadap Spirit yang bersifat universal dikalangan masyarakat Kadazandusun dapat dilihat dengan adanya upacara-upacara pemujaan. Kepercayaan terhadap roh nenek moyang dan jelmaannya dapat ditelusuri dari ritus yang dijalankan di Gunung Kinabalu.

3.4.Kepercayaan terhadap penjaga tali air sebagai jelmaan daripada Bambahazon iaitu Si Gondingon banyak mempengaruhi pemikiran masyarakat petani persawahan, Fenomena ini tetap berlanjutan sehingga kini.

4. PERUMUSAN MASALAH

Sepertimana yang disebutkan terdahulu, masyarakat Kadazandusun memiliki pelbagai kepercayaan tradisional yang diwarisi turun-temurun, maka penelitian ini ingin mengungkapkan berbagai bentuk kepercayaan tradisional yang melingkari kehidupan sosial masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau Sabah Malaysia sehari-hari.

5. TUJUAN PENELITIAN

- 5.1. Untuk melihat lebih jelas kehidupan tradisional masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau Negeri Sabah Malaysia.
- 5.2. Untuk memahami landasan filsafat tradisional masyarakat Kadazandusun di Negeri Sabah Malaysia khususnya Daerah Ranau
- 5.3. Mengembangkan pengetahuan terhadap tradisionalisme di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun khususnya di Daerah Ranau Sabah Malaysia.

6. MANFAAT PENELITIAN

- 6.1. Membuka wacana pengetahuan terhadap kehidupan tradisional yang berlaku di dalam masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau Negeri Sabah Malaysia.
- 6.2. Dapat memahami kebudayaan tradisional yang berlangsung di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau Sabah Malaysia.
- 6.3. Sarana di dalam menelaah kehidupan tradisional yang mana sudah semakin tergeser dalam arus modernisasi.
- 6.4. Menambah koleksi penulisan warisan budaya bangsa khususnya kepada masyarakat Kadazandusun di Negeri Sabah Malaysia.
- 6.5. Sebagai sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan terutama untuk penelitian dan penulisan kemudiannya.
- 6.6. Bagi memperkayakan pengkajian sejarah yang lebih bersifat sejarah lokal.
- 6.7. Menganjakan paradigma terutama di dalam penelitian dan penulisan yang bersifat antropologi sosial.